

**MEMBINA PERKEMBANGAN DIMENSI SOSIAL ANAK MENURUT  
PERSPEKTIF AL-SUNNAH BERDASARKAN KITAB MANHAJ AL-TARBIAH AL-  
NABA WIYYAH LI AL-TIFLI**

Siti Noor Farahin Binti M. Fariddudin\*

Khadijah Mohd Khambali @ Hambali

Syed Mohammad Hilmi Syed Abdul Rahman

*Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Universiti Malaya*

*\*Corresponding author: [s2101859@siswa.um.edu.my](mailto:s2101859@siswa.um.edu.my)*

**ABSTRAK**

Seiring dengan perkembangan dunia digital tanpa sempadan, proses melahirkan generasi Muslim kini kian mencabar termasuklah dalam pembentukan aspek sosial. Pengaruh media sosial hari ini sangat memberi kesan ke atas pembinaan jati diri dan keperibadian mereka. Sementelahan pula pendedahan sosial yang diterapkan di peringkat sekolah oleh guru semata-mata belum cukup untuk memberi kesedaran kepada anak namun menuntut komitmen ibu bapa dalam mendidik anak yang bermula sejak awal kehidupan mereka di rumah. Ibu bapa berperanan mendidik mereka kemahiran bersosial dengan cara yang sesuai agar mereka mampu berfikir secara matang untuk membezakan antara baik dan yang buruk. Walau bagaimanapun, bahan rujukan berkaitan pemantapan aspek sosial ini masih kurang dikaji khususnya dalam konteks perspektif *al-Sunnah* meskipun Rasulullah SAW telah memberikan garis panduan secukupnya untuk diamalkan dalam kehidupan berkeluarga. Oleh yang demikian, kajian ini merungkai beberapa asas untuk merangsang dimensi sosial dalam diri anak menurut *al-Sunnah* seperti yang dibincangkan dalam kitab *Manhaj al-Tarbiah al-Nabawiyah li al-Tifl* karangan Muḥammad Nur ‘Abd. Al-Hāfiẓ Suwayd. Metodologi yang digunakan dalam pengumpulan data ialah kajian teks dan dianalisis menggunakan kaedah induktif, deduktif dan *takhrij al-hadith*. Hasil kajian mendapat terdapat lapan asas yang amat signifikan untuk diimplementasikan oleh para ibu bapa dalam proses membantu perkembangan sosial anak bagi mencapai keseimbangan dalam kehidupannya seterusnya mempunyai keyakinan diri dalam menongkah arus kemodenan ini.

Kata kunci: *Perkembangan anak, Media Sosial, Dimensi, Sosial, al-Sunah*

**Abstract**

The process of raising a Muslim generation has become increasingly challenging with the development of the borderless digital world especially in nurturing the social aspect. Even the social media gives a lot of positive impacts to children but their social dimension in the real life still have to be improved. The social exposure applied at the school level by teachers alone is not enough to create awareness for the child as the demands on parental commitment in educating the child starts from the beginning of their life at home. Parents have a role to train them in social skills so that they are able to think maturely so as to distinguish between good and bad. However, reference materials on the reinforcement of this social aspect are still not well-studied, especially in the context of the perspective of *al-Sunnah* even

though the Prophet SAW provided adequate guidelines to be practiced in family life. Therefore, this study explores some of the foundations that stimulate the social dimension in the child according to *al-Sunnah* as discussed in the book *Manhaj al-Tarbiah al-Nabawiyyah li al-Tifl* by Muḥammad Nur ‘Abd Al-Hāfiẓ Suwayd. The methodology used to collect data was textual study and analysis was done using inductive, deductive and *takhrij al-hadith* methods. The results of the study showed eight very significant foundations that could be implemented by parents in the social development process of their children so as to achieve the balance in his life and the self - confidence in resisting the currents of modernity.

Keywords: *Child Development, Dimensions, Social, al-Sunnah*

## PENGENALAN

Ledakan teknologi maklumat dan media sosial yang mendominasi gaya hidup segenap lapisan umur anak-anak secara tidak langsung memberi cabaran besar buat para ibu bapa. Hal ini menuntut ibu bapa agar sentiasa peka dan prihatin terhadap perkembangan sosial anak-anak mereka. Menurut Kamus Dewan, media dinyatakan sebagai medium komunikasi yang dapat menyalurkan maklumat atau berita kepada orang ramai dalam masa yang pantas.

Dengan kata lain, media sosial merupakan jaringan sosial yang memberi ruang kepada individu untuk berkomunikasi, berhubung dengan rakan-rakan untuk berkongsi maklumat serta membuat laman web secara peribadi. Antara contoh jaringan media sosial yang terkenal pada masa kini seperti, *Blog, Youtube, Twitter, Facebook, WhatsApp, Telegram, Instagram* dan yang terkini ialah *TikTok*.<sup>1</sup> Sebagai sebuah platform perhubungan, media sosial amat berpengaruh kepada tingkah laku manusia, mencorakkan kehidupan dan mempengaruhi norma hidup manusia. Ia membekalkan mesej atau maklumat yang berfaedah atau sebaliknya kepada individu tertentu dengan tujuan untuk mencapai sesuatu perubahan tertentu sama ada yang berkaitan dengan sikap, amalan atau ilmu pengetahuan atau untuk mempengaruhinya terhadap sesuatu perkara.<sup>2</sup> Secara tidak langsung, perkembangan media sosial yang semakin pesat ini memberi pengaruh yang besar ke atas perkembangan sosial anak-anak.

Walaupun diakui media sosial membawa impak yang positif dari sudut mengeratkan persahabatan dan mengurangkan rasa kesunyian, ia turut mengundang kesan negatif sekiranya digunakan secara berlebihan seperti menyebabkan rasa kurang keyakinan diri, memberi kesan buruk kepada kesihatan

---

<sup>1</sup> Mohamad Hafifi Jamri et al., “Public Health Awareness Campaign: A Literature Review from the Angle of Media and Communication Usage in Malaysia,” *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication* 33, no. 3 (2017): 1–20, doi:10.17576/jkmjc-2017-3303-01.

<sup>2</sup> Azarudin Awang and Khadijah Mohd Khambali @ Khambali, “Pengaruh Media Dalam Dialog Kehidupan: Perspektif Pengalaman Saudara Baru (Media Influence in The Dialogue of Life: From The Perspectives of a Revert Muslim),” *Jurnal Komunikasi, Malaysian Journal of Communication* 31, no. 2 (2015): 47–60, doi:10.17576/jkmjc-2015-3102-04.

mental dan mengakibatkan kecelaruan emosi.<sup>3</sup> Selain itu, ia boleh mendatangkan keburukan seperti kecelaruan identiti, tekanan perasaan bila mana mereka menjadi antara mangsa pembulian siber dan gangguan seksual.<sup>4</sup> Tambahan pula, anak lebih gemar menghabiskan masa mereka untuk melayan media sosial sehingga menyebabkan komunikasi lisan menjadi berkurang.<sup>5</sup> Gejala ini harus ditangani sebaiknya dengan cara penuh berhikmah dan bijaksana.

Rentetan daripada itu, menjadi cabaran kepada ibu bapa hari ini untuk terlibat dalam interaksi dua hala dengan anak-anak mereka. Perkembangan media sosial dan teknologi juga menyebabkan mereka perlu bersaing dengan teknologi yang memonopoli sebahagian besar kanvas kehidupan anak-anak pada hari ini.<sup>6</sup> Ibu bapa bertanggungjawab untuk memastikan media sosial dan teknologi yang hadir dalam kehidupan anak pada hari ini tidak mengganggu perkembangan sosial mereka kerana kemandirian diri anak-anak berlaku melalui proses komunikasi dan interaksi sosial mereka dengan persekitarannya.

Oleh itu, komunikasi dua hala sangat penting dalam sesebuah keluarga bagi mendidik anak bersosial termasuklah daripada aspek tingkah laku dan sifat peribadi yang akan membawa kepada pembentukan jati diri mereka.<sup>7</sup> Di samping memiliki kecelikan digital, penglibatan aktif ibu bapa juga begitu penting dalam meningkatkan kesedaran terhadap penggunaan media sosial dan teknologi. Contohnya, ibu bapa perlu sentiasa memantau aktiviti anak-anak dengan mengehadkan tempoh masa anak-anak menggunakan telefon pintar, komputer dan gajet untuk meningkatkan kesedaran anak terhadap kesan buruk penggunaan media sosial dan teknologi yang berlebihan.

Realitinya, ibu bapa pada hari ini turut terperangkap dengan kepesatan teknologi dan media sosial. Kekerapan ibu bapa menggunakan media sosial di hadapan anak-anak turut mempengaruhi anak dan terbiasa dengan budaya tersebut. Maka, ibu bapa wajar mengurangkan penggunaan media sosial dan teknologi seperti telefon pintar dan komputer riba di hadapan anak-anak meskipun atas urusan atau tugas kerja. Ibu bapa juga perlu mempamerkan contoh yang baik agar anak-anak dapat meneladani ibu bapa mereka.

Oleh yang demikian, ibu bapa moden harus membina komunikasi dan interaksi yang positif dengan anak-anak iaitu dengan merancang pelbagai aktiviti bersama anak-anak. Ibu bapa dianjurkan untuk

---

<sup>3</sup> Megan A. Wood, William M. Bukowski, and Eric Lis, "The Digital Self: How Social Media Serves as a Setting That Shapes Youth's Emotional Experiences," *Adolescent Research Review* 1, no. 2 (2016): 163–73, doi:10.1007/s40894-015-0014-8.

<sup>4</sup> Muhammad Zaheer Firdaus bin Zakiyuddin, "Social Media and Effects on Interpersonal Skills : An Empirical Investigation on Teenagers from Malaysia," *Journal of Business and Management* 23, no. 4 (2021): 14–23, doi:10.9790/487X-2304081423.

<sup>5</sup> Nurhamizah Hashim and Asbah Razali, "Tecnhnology and Social Media in Communication between Parents and Children," *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication* 35, no. 4 (2019): 337–52, doi:10.17576/JKMJC-2019-3504-21.

<sup>6</sup> Ibid.

<sup>7</sup> Ika Destina, Ali Salman, and Mohd. Helmi Abd. Rahim, "Penerimaan Media Sosial : Kajian Dalam Kalangan Pelajar Universiti Di Palembang," *Jurnal Komunikasi* 29, no. 2 (2013): 125–40.

bersikap kreatif dalam memilih kaedah terbaik bagi membentuk dimensi sosial dalam diri anak-anak.<sup>8</sup> Artikel ini mengupas secara terperinci asas pembentukan dimensi sosial dalam diri anak berteraskan perspektif *al-Sunnah* yang dibincangkan oleh Muḥammad Suwayd dalam karyanya *Manhaj al-Tarbiah al-Nabawiyyah li al-Tifli*.

## 2.0 METODOLOGI KAJIAN

Metodologi yang digunakan dalam kajian ini ialah kajian teks dan analisis kandungan. Kaedah pengumpulan data dijalankan bersumberkan sebuah karya Muḥammad Nur Abdul Hafiz Suwayd iaitu kitab *Manhaj al-Tarbiah al-Nabawiyyah li al-Tifli*. Data yang diperolehi kemudiannya dianalisis menggunakan kaedah induktif dan deduktif serta *takhrij al-hadith*. Pendekatan induktif bermula daripada spesifik kepada umum, iaitu dimulakan dengan sesuatu sebab atau contoh dan menuju ke arah sesuatu generalisasi. Manakala pendekatan deduktif adalah daripada sesuatu yang bersifat umum kepada yang lebih khusus.

Kajian ini menggunakan pendekatan induktif dengan mengemukakan contoh daripada hadis nabawi dan praktikal para sahabat, *tabi'in* dan *salaf al-Soleh* yang mempunyai prinsip yang sama sebelum dirangkum di bawah sebuah sub-topik. Sebagai contoh, galakan Nabi SAW kepada ibu bapa agar membawa anak menghadiri majlis orang dewasa, mengutus anak menunaikan tugas, membiasakan ucapan salam dikumpulkan di bawah satu dimensi iaitu pembinaan sosial. Pendekatan deduktif yang diaplikasikan dalam kajian ini ialah pengkaji membincangkan satu dimensi yang dinyatakan dan dibawakan contoh-contoh yang berkaitan dengan dimensi tersebut. Sebagai contoh, di bawah rumpun dimensi pembinaan sosial, beberapa bentuk asas pembinaan emosi disebutkan seperti menziarahi anak yang sakit, memilih kawan yang baik untuk anak, membiasakan anak berjual beli, membawa anak ke majlis perkahwinan dan membenarkan anak bermalam di rumah kawan yang baik.

Hasil analisis mendapat terdapat lapan asas pembinaan interaksi sosial yang dinyatakan oleh Muḥammad Suwayd dalam kitabnya yang diambil khusus daripada hadis-hadis nabawi dan sorotan kisah para sahabat.

---

<sup>8</sup> Siti Noor Farahin M Fariddudin, Khadijah Mohd Khambali@Hambali, and Syed Mohammad Hilmi Bin Syed Abdul Rahman, "Dimensi Keibubapaan Dalam Pendidikan Anak Di Era Pandemik Dan Solusi Menurut Kitab *Manhaj Al-Tarbiah Al-* Dimensions of Parenting in Children ' s Education in the Pandemic Era and Solutions According to the Book of *Manhaj* Pendahuluan Ibu Bapa Mempunyai Per," *Jurnal Usuluddin* 50, no. 1 (2022): 93–114.

### **3.0 BIOGRAFI PENULIS KITAB**

Nama lengkap penulis kitab iaitu Muḥammad Nūr ‘Abd. al-Ḥāfiẓ Suwayd ialah Khalid bin ‘Abd al-Rahman. Beliau lahir di Damsyik pada 1362 H/1943 M. Beliau merupakan seorang yang bersifat tawaduk, alim, ahli ibadah dan pengarang kitab yang memberi panduan dalam merungkai pelbagai permasalahan kehidupan merangkumi aspek pendidikan. Beliau mendalami ilmu daripada ulama Syam dan di antaranya; seorang ahli fatwa terkemuka iaitu Dr. Syeikh Muhammad Abū Yusrā ‘Abidīn. Beliau turut berguru dengan Syeikh Khusain Khoṭṭob, Syeikh Mohammad Abū Yasir Abidīn dan Syeikh Muhammad Nāṣiruddin Albāni. Setiap hari beliau mempunyai kegiatan belajar dan mengajar di Madrasah Thanawiyah Al-Syar’iyyah sehingga tahun 1970M.

Beliau bertugas sebagai guru dan pemimpin dakwah di beberapa buah kampus sekitar Damsyik. Muḥammad Suwayd turut bekerja sebagai konsultan jurutera di Kuwait. Muḥammad Suwayd meninggal dunia pada hari Jumaat tahun 1419 H/1999M. Antara karya Muḥammad Suwayd berkaitan pendidikan ialah *Maktabah al-Usrah al-Muslimūn, Adāb al-Hayāh al-Zawjiyyah, Al-Muharramat ‘ala al-Muslimah, Binā’ al-Usrah al-Muslimah, Tarbiah al-abna’ wa al-Bannāt, Shakhṣiyyah al-Mar’ah al-Muslimah, Wājibah al-Mar’ah al-Muslimah* dan *Manhaj al-Tarbiah al-Nabawiyyah li al-Tiflī*.<sup>9</sup>

Lontaran idea dan perkongsian pengalaman Muḥammad Suwayd dalam bidang pendidikan yang diterjemahkan dalam bentuk penulisannya dapat dijadikan rujukan bermanfaat dalam melahirkan generasi yang seimbang dalam segenap aspek kehidupan duniawi dan ukhrawi. Hasilnya, kajian ini mencadangkan lapan (8) bentuk dasar pembinaan dimensi sosial yang dikemukakan dalam karya beliau bagi membantu para ibu bapa dalam membina perkembangan sosial yang seimbang dalam diri anak mereka.

### **4.0 ASAS PEMBINAAN SOSIAL MENURUT MUHAMMAD SUWAYD**

Menurut Muḥammad Suwayd bahawa pembinaan sosial bermaksud untuk menjadikan anak seorang yang mampu menyesuaikan diri di tengah masyarakat, sama ada apabila bersama orang dewasa atau rakan sebaya. Kemampuan menyesuaikan diri ini akan menjadikannya diterima oleh masyarakat, terhindar daripada introversi dan malu yang tidak bertempat. Jika dicermati dalam lipatan sirah nabawi terdapat perkara yang ditunjukkan oleh Nabi SAW dalam membentuk kanak-kanak yang tahu

---

<sup>9</sup> Redho Rahmad Hidayah, “Metode Orang Tua Dalam Pendidikan Karakter Anak Pada Kitab Manhaj At Tarbiyah An Nabawiyyah Lith Thifl Karya Muhammad Nur Abdul Hafizh Suwaid,” *Fakultas Tarbiyah Dan Tadris Institut Agama Islam Negeri Bengkulu* (Institut Agama Islam Negeri Bengkulu, 2021).

bersosial.<sup>10</sup>

Asas pertama: Membawa bersama anak ke majlis yang dihadiri oleh golongan dewasa.

Menurut Muḥammad Suwayd, kanak-kanak pada zaman Nabi SAW sering dibawa oleh bapa mereka untuk menghadiri majlis baginda SAW sebagaimana Sayidina ‘Umar RA membawa anaknya untuk menemaninya ke sebuah majlis,

عَنْ أَبْنَىْ عُمَرَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: «أَحْبَرُوْنِي بِشَجَرَةٍ مَثَلُّهَا مَثَلُّ الْمُسْلِمِ، تُؤْتِي أُكُلَّهَا كُلُّ حِينٍ يَأْذِنُ رَبَّهَا، وَلَا تَحْتُ وَرَقَهَا، فَكَرِهْتُ أَنْ أَتَكَلَّمَ وَمَمَّا أَبْوَ بَكْرٍ وَعُمَرٌ، فَلَمَّا مَتَ يَسْكَلَّمَا قَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: هِيَ النَّخْلَةُ، فَلَمَّا حَرَجْتُ مَعَ أَبِيهِ قُلْتُ: يَا أَبَتَاهُ، وَقَعَ فِي نَفْسِي النَّخْلَةُ، قَالَ: مَا مَنَعَكَ أَنْ تَقُولَهَا؟ لَوْ كُنْتَ قُلْتَهَا كَانَ أَحَبَّ إِلَيَّ مِنْ كَذَا وَكَذَا، قَالَ: مَا مَنَعَنِي إِلَّا أَتَيْتُ مَمَّا أَرَكَ وَلَا أَبَا بَكْرٍ تَكَلَّمَتُمَا فَكَرِهْتُ

Terjemahan: Daripada Ibnu ‘Umar RA berkata, Rasulullah SAW bersabda, “Beritahu aku tentang sebatang pohon perumpamaannya seperti seorang Muslim, membawa hasil setiap masa dengan izin Tuhan dan daunnya tidak jatuh (dari dahannya)”. Maka terdetik dalam diriku pohon tamar, tetapi aku tidak menyebutnya kerana Abu Bakar dan Umar juga tidak berkata-kata. Kata Nabi SAW “Itulah pohon tamar”. Apabila aku keluar (dari majlis) bersama bapaku, aku katakan “Wahai ayah, aku (tahu jawapannya); pohon tamar”. Kata beliau, apakah yang menghalangmu dari menyebutnya? Jika kamu menyebutnya pasti lebih ku sukai berbanding itu dan ini”. Katanya, “Apa yang menghalangku ialah aku tidak melihat kamu wahai ayah dan Abu Bakar bercakap, maka aku membencinya (untuk menyebutnya)”.<sup>11</sup>

Hadis ini menonjolkan adab kesopanan seorang sahabat iaitu Ibnu ‘Umar yang ketika itu masih di usia kanak-kanak. Beliau dibawa oleh bapanya, Saidina ‘Umar al-Khattab ke sebuah majlis ilmu yang disertai oleh para sahabat yang dewasa. Keinginan anak ini untuk menjawab soalan yang dilontarkan oleh Nabi SAW dipendam kerana memuliakan orang yang lebih berusia daripadanya untuk menjawab soalan tersebut. Keinginannya itu hanya dikongsi kepada bapanya setelah majlis bersurai.

Nabi SAW juga bergaul dengan kanak-kanak seperti yang terungkap dalam sebuah hadis,

عَنْ أَنَسِ قَالَ: كَانَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَحْسَنَ النَّاسِ خُلُقًا، وَكَانَ لِي أَخٌ يُقَالُ لَهُ أَبُو عُمَيْرٍ، قَالَ: أَحْسَبُهُ فَطِيمًا، وَكَانَ إِذَا جَاءَهُ قَالَ: يَا أَبَا عُمَيْرٍ، مَا فَعَلَ التَّعَيْرُ؟ نُعَزِّزُ كَانَ يَلْعَبُ بِهِ

Terjemahan: Daripada Anas RA berkata, “Sesungguhnya Nabi SAW adalah orang yang paling baik akhlaknya. Aku (Anas) mempunyai seorang saudara lelaki yang dikenal dengan *kunyah* Abū ‘Umayr. Pada saat itu aku mengira dia masih dalam usia menyusui

<sup>10</sup> Muḥammad Nūr ‘Abd. al-Ḥāfiẓ Suwayd. *Al-Tarbiyah Al-Nabawiyyah Li al-Tiṣli*, (Beirut: Dār Ibnu Kathīr, 2006), 271.

<sup>11</sup> Hadith riwayat al-Bukhārī, Abū ‘Abd Allāh Muhammād bin Ismā’īl bin Ibrāhīm bin al-Mughīrah dalam *Al-Jāmi’ al-Sahih*. [Kitāb al-Adāb, Bāb Ikrām al-Kabīr wa yabda’ bi al-Kalāmī wa al-Sua’l, no. hadith 6144], (Mesir: al-Sultāniyah, 2012).

(kurang dari 2 tahun). Apabila Rasulullah SAW datang, baginda melihatnya. Kemudian beliau SAW berkata, “Wahai Abu ‘Umair ada apa dengan *Nughayr*? ” Anas berkata, “(*Nughayr*) adalah burung kecil yang dia (Abū ‘Umair) biasa bermain dengannya.”<sup>12</sup>

Ulama mengeluarkan sebanyak 60 pengajaran yang boleh diambil daripada hadis ini. Namun hanya yang terkait dengan pendidikan anak-anak sahaja yang akan disebutkan oleh pengkaji. Rasulullah SAW bertanyakan tentang burung peliharaannya yang mati dan yang membuatkan kanak-kanak ini gembira kerana baginda SAW orang pertama yang bertanyakan tentang itu. Betapa Rasulullah SAW meraikan kanak-kanak sehingga mereka merasai kehadiran baginda dalam hidup mereka. Hal ini memperlihatkan akhlak Rasulullah SAW yang mengambil berat dan menyantuni anak-anak sesuai dengan usia mereka dan melayan mereka sebagai antara komuniti yang penting.

Oleh yang demikian, Muhammad Suwayd menjelaskan bahawa dengan membawa kanak-kanak kecil ke majlis yang dihadiri oleh orang dewasa akan terserlah kekurangan dan keperluan mereka kepada didikan. Maka, para pendidik boleh membimbang mereka agar menjadi sempurna dan menggalakkan mereka untuk menjawab persoalan apabila dikemukakan, bercakap selepas diizinkan dengan penuh adab dan kehormatan. Dengan itu, akal mereka akan bercambah dan identiti mereka akan terbentuk serta lisan mereka semakin lancar. Mereka akan mengetahui peristiwa dan aktiviti orang dewasa dan belajar perlahan-lahan dengan bimbingan ibu bapanya.

Begitu juga layanan yang diberikan oleh para sahabat kepada anak muda.

عَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا قَالَ: فَدَعَاهُمْ ذَاتَ يَوْمَ وَدْعَانِي مَعَهُمْ، قَالَ: وَمَا رُؤْيَيْتُ دَعَانِي يَوْمَئِذٍ إِلَّا لِيُرِيهِمْ مِنِّي، فَقَالَ: مَا تَعْلُوْنَ: {إِذَا جَاءَ نَصْرُ اللَّهِ وَالْفَتْحُ \* وَرَأَيْتَ النَّاسَ يَدْخُلُونَ} حَتَّى حَمَ السُّورَةَ، فَقَالَ بَعْضُهُمْ: أَمْرَنَا أَنْ حَمَّدَ اللَّهَ وَنَسْتَغْفِرَهُ إِذَا نُصْرَنَا وَفُتْحَ عَلَيْنَا، وَقَالَ بَعْضُهُمْ: لَا نَدْرِي، أَوْ لَمْ يَقْلُ بَعْضُهُمْ شَيْئًا، فَقَالَ لِي: يَا ابْنَ عَبَّاسٍ، أَكَدَّاكَ تَقُولُ؟ قُلْتُ: لَا، قَالَ: فَمَا تَعْلُوْ؟ قُلْتُ: هُوَ أَجَلُ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَعْلَمُهُ اللَّهُ لَهُ: {إِذَا جَاءَ نَصْرُ اللَّهِ وَالْفَتْحُ} فَتْحٌ مَكَّةَ، فَذَاكَ عَلَامَةُ أَجَلِّكَ: {فَسَبِّحْ بِحَمْدِ رَبِّكَ وَاسْتَغْفِرْهُ إِنَّهُ كَانَ تَوَابًا} قَالَ عُمَرُ: مَا أَعْلَمُ مِنْهَا إِلَّا مَا تَعْلَمُ

Terjemahan: Daripada Ibnu ‘Abbās RA “Suatu hari para sahabat memanggilku untuk memberi pandangan berkaitan ayat dari Surah al-Nasr. Kata sebahagian daripada mereka, Allah memerintahkan kita memujinya, memohon keampunanNya apabila datang kemenangan dan dibuka kepada kita”. Sebahagian mereka berkata tidak tahu dan sebahagian mereka tidak berkata apa-apa. Maka dikatakan kepadaku, “ Wahai Ibnu ‘Abbās apakah begitu?. Kataku, “Tidak”. Kata mereka “Apakah pandanganmu?”. Kataku, “Ajal Rasulullah SAW, inilah Allah memberitahuku dan *al-Fathu* ialah pembukaan kota Mekah. Itulah tanda ajalmu”. Kata Umar RA, “Tidaklah aku tahu tentang surah ini melebihi apa yang engkau tahu”.<sup>13</sup>

<sup>12</sup> Hadith riwayat al-Bukhārī, Abū ‘Abd Allāh Muḥammad bin Ismā’īl bin Ibrāhīm bin al-Mughīrah al-Bukhārī dalam *Al-Jāmi’ al-Ṣahīh*, [Kitāb al-Adāb, Bāb al-Kunyah al-Ṣobiyyah Qobla an Yūlad li al-Rijāl, no. hadis: 6203], (Mesir: al-Sultāniyah, 2012).

<sup>13</sup> Hadith riwayat al-Bukhārī, Abū ‘Abd Allāh Muḥammad bin Ismā’īl bin Ibrāhīm bin al-Mughīrah al-Bukhārī dalam *Al-Jāmi’ al-Ṣahīh*[Kitāb al-Maghāzī, Bāb Haddathani Muḥammad bin Bassyar, no. hadis: 4294], (Mesir: al-Sultāniyah, 2012).

Demikian juga sebuah hadis yang menunjukkan kanak-kanak sentiasa berada dalam majlis bersama-sama Nabi SAW dan mereka mempelajari sesuatu melalui pemerhatian terhadap tutur kata dan tingkah laku baginda SAW.

عَنْ أَبِي جُحَيْفَةَ، قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لِرَجُلٍ عِنْدَهُ: لَا أَكُلُ مُتَكَبِّلًا

Daripada Abi Juhafah RA dan beliau ialah sahabat yang masih muda berkata, “Aku pernah bersama nabi SAW maka Baginda berkata kepada seorang pemuda bersamanya, “Jangan makan sambil berbaring”.<sup>14</sup>

Hadis riwayat Bukhari, Ahmad, Abu Daud, Ibnu Majah dan Tarmidhi dan Abū Ya’la dalam Musnadnya dengan sanad Sahih. Demikianlah contoh kehadiran anak muda dalam majlis Nabi SAW dan meriwayatkan hadis daripada baginda SAW.

Baginda SAW juga berjalan bersama anak-anak dan mengenderai mereka tanpa rasa kekok malah dengan penuh rasa cinta dan kasih sayang seperti peristiwa yang diceritakan oleh Ibn ‘Abbās semasa membongceng Nabi SAW di atas unta sambil baginda menitipkan nasihat kepada beliau.

Melalui beberapa kisah yang dinyatakan, ternyata bahawa kehadiran anak dalam majlis orang dewasa mempunyai kelebihannya tersendiri. Selain berlakunya proses percambahan idea, mereka berpotensi untuk mencapai kemajangan diri hasil daripada ilmu dan pengalaman yang dialami.<sup>15</sup> Namun, majlis tersebut seharusnya majlis yang baik dan terhindar daripada sebarang maksiat.

Asas kedua: Mengutus anak untuk menunaikan tugasan.

Asas ini merupakan faktor penting apabila membesarluan anak dalam komuniti masyarakat iaitu dengan menunaikan tugasan yang sesuai. Perkara ini akan memberi kesan mendalam yang positif dalam kehidupan anak. Mereka bertemu perkara yang baru dan merasai kegembiraan dengan bertambah pengetahuannya serta yakin dalam melaksanakan urusannya agar optimis dalam menghadapi hari mendatang.

Menurut Muhammad Suwayd, dengan pengalaman yang diperoleh sedari kecil menjadikannya seorang yang berketerampilan dalam kehidupan dan langkahnya semakin berfokus tanpa kecacatan dan keraguan.

Beliau mengukuhkan hal ini dengan sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Imam Ahmad dan Bukhari dan Muslim dengan lafadz Ahmad berstatus Sahih dengan syarat Muslim ,

عَنْ ثَابِتٍ، عَنْ أَنَسِ، قَالَ: حَدَّمْتِ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَوْمًا، حَتَّى إِذَا رَأَيْتُ أَبِي قَدْرَغْثَةَ مِنْ خِدْمَتِهِ، قُلْتُ: يَقِيلُ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، فَحَرَجْتُ إِلَى صَبِيبَيْنِ يَلْعَبُونَ قَالَ: فَجِئْتُ

<sup>14</sup> Hadith Sahih riwayat Abū al-Qāsim Sulaymān bin Aḥmad bin Ayyūb al-Ṭabrānī dalam *al-Mu’jam al-Kabīr* [Kitāb al-Waw, Bāb ‘Alī bin al-Qamar ‘an Abī Juhayfah, no.hadis: 350], ed. Ḥamdī bin ‘Abd. Majīd al-Salafī, (Kaherah: Maktabah Ibnu Taymiyah, 2010).

<sup>15</sup> Muḥammad Nūr ‘Abd. al-Ḥāfiẓ Suwayd. *Al-Tarbiyah Al-Nabawiyyah Li al-Tiflī*, (Beirut: Dār Ibnu Kathīr, 2006), 134.

أَنْظُرْ إِلَى لَعِبِّهِمْ، قَالَ: "فَجَاءَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَسَلَّمَ عَلَى الصِّبِّيَانِ وَهُمْ يَلْعَبُونَ، فَدَعَاهُنِي رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، فَبَعَثَنِي إِلَى حَاجَةِ لَهُ، فَدَهْبَتْ فِيهَا، وَجَلَسَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، فِي فَيْءٍ حَقِّيْ أَتَيْتُهُ، وَاحْتَبَسْتُ عَلَى أُمِّي عَنِ الْإِبَانِ (2) الَّذِي كُنْتُ آتَيْهَا فِيهِ، فَلَمَّا أَتَيْتُهَا، قَالَتْ: مَا حَبَسَكَ؟ قُلْتُ: بَعَثَنِي رَسُولُ اللَّهِ فِي حَاجَةِ لَهُ، قَالَتْ: وَمَا هِي؟ قُلْتُ: هُوَ سِرُّ رَسُولِ اللَّهِ قَالَتْ: فَاحْفَظْ عَلَى رَسُولِ اللَّهِ سِرَّهُ، قَالَ ثَابِتُ: قَالَ لِي أَنْسٌ: "لَوْ حَدَثْتُ بِهِ أَحَدًا مِنَ النَّاسِ لَحَدَّثْتُكَ بِهِ يَا ثَابِتُ

Terjemahan: Daripada Thābit bahawa Anas RA berkata: “Aku berkhidmat kepada Rasulullah SAW pada suatu hari sehingga selesai berkhidmat dan Baginda tidur (*Qailulah*), maka aku keluar untuk aku melihat kanak-kanak bermain. Maka Rasulullah SAW datang melihat kanak-kanak bermain dan memberi salam kepada mereka. Rasulullah memanggilku dan mengutusku untuk melaksanakan keperluan untuknya, aku pergi dan Baginda SAW duduk berteduh sehingga aku datang. Aku menceritakan kepada ibuku bahawa Nabi SAW mengarahku suatu keperluan kerana aku sampai lambat daripada kebiasaan aku sampai kepadanya. Ibuku bertanya, “Apakah keperluan itu? Aku berkata “Itu ialah rahsia Nabi SAW”. Ibuku berkata “Jagalah rahsia Nabi SAW”. Thābit berkata, kata Anas “Sekiranya boleh aku beritahu seseorang daripada manusia, aku akan beritahu kamu Wahai Thābit”<sup>16</sup>.

Muhammad Suwayd menyatakan kisah ini jelas menunjukkan bahawa pendidikan secara praktikal ini menjadikan anak-anak tidak mudah lupa malah mengamalkannya setelah dewasa kelak. Menurut beliau lagi, hal ini akan menambah nilai pengalamannya akhirnya menjadi personaliti yang mempunyai keyakinan diri dan yang pandai bersosial serta menyesuaikan diri dengan manusia dan kehidupan. Selain itu, menurut Muhammad Suwayd antara khidmat layanan yang boleh diterapkan kepada anak-anak adalah dengan menghidangkan makanan. Anak akan menyertai ahli keluarga dalam penyediaan serta mempelajari tempat dan nama peralatan yang digunakan. Beliau membawakan kisah Rasulullah SAW pernah meminta Anas RA untuk menyediakan keperluan sahur sebagai persediaan berpuasa maka Anas RA menyediakan tamar dan air untuk baginda SAW.

Metode pemberian tugas ini begitu sesuai diaplikasikan oleh seorang ibu kepada puterinya dalam menguruskan keperluan keluarga seperti penyediaan hidangan makanan untuk seisi keluarga. Bertitik tolak daripada aktiviti bersama ini menjadikan penglibatan anak ini sebagai persediaan mereka sebelum memasuki alam rumah tangga yang memerlukan kemahiran menguruskan rumah dan memenuhi keperluan keluarga. Manakala kebersamaan anak lelaki dalam tugas yang bersesuaian menjadikan mereka lebih berkemahiran dan mampu mengemudi keluarga dengan baik apabila dewasa kelak.

Asas ketiga: Membiasakan anak-anak dengan sunnah mengucap salam.

---

<sup>16</sup> Hadith Ṣahih riwayat al-Imām Aḥmad bin Ḥanbal dalam *Musnad al-Imām Aḥmad bin Ḥanbal* [Kitāb Musnad al-Mukthirīn min al-Ṣahābah, Bāb Musnad Anas bin Mālik RadhiAllahu ‘anhu, no hadith: 13022], ed. Shu’ib al-Arnā’ūt et al., (Muassasah al-Risālah, 2010).

Ucapan salam merupakan ucapan sapaan sesama kaum Muslimin. Muḥammad Suwayd berpendapat anak-anak enggan untuk bertemu dengan orang dewasa kerana perbezaan peringkat umur, maka ia memerlukan sesi taaruf sebagai pembuka perbualan mereka.

Pendekatan yang halus ini telah diketengahkan oleh baginda SAW dan para sahabat dalam menyemai sunnah salam dalam diri kanak-kanak iaitu golongan dewasa yang memulakan salam sehingga apabila diketahui oleh anak-anak, mereka pula akan memulakannya.

Muḥammad Suwayd memetik sebuah hadis yang diriwayatkan oleh al-Bukhari dan Muslim bahawa Anas RA melalui kanak-kanak dan memberi salam dan berkata, sesungguhnya Rasulullah SAW telah melakukannya.

عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ أَنَّهُ مَرَّ عَلَى صِبَّيَانٍ فَسَلَّمَ عَلَيْهِمْ وَقَالَ: كَانَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَعْلَمُ

Terjemahan: Daripada Anas bin Malik RA berkata, “Sesungguhnya beliau melintasi kanak-kanak lalu memberi salam kepada mereka dan berkata, “Nabi SAW pernah melakukannya”.<sup>17</sup>

Manakala ucapan salam anak-anak kepada kedua-dua ibu bapa juga amat digalakkan terutamanya apabila memasuki rumah. Ringkasnya, sunnah memberi salam adalah penting sebagai tanda penghormatan dan ucapan doa dalam menyambung silaturahim sesama Muslim dan sesama ahli keluarga. Anak kecil sering belajar melalui pemerhatiannya, sehingga interaksi sosial yang terbina melalui ucapan salam terlihat kesannya apabila anak juga tidak malu dan segan untuk memulakan ucapan selamat itu lalu dijawab oleh orang lain yang lebih dewasa.

Asas keempat: Menziarahi kanak-kanak apabila sakit

Muḥammad Suwayd menyebut amalan menziarahi anak yang sakit amat membantu ikatan sosial anak-anak. Apabila mereka melihat ada orang yang menziarahi mereka ketika sakit, selain meringankan kesakitan yang dihadapi, hati mereka menjadi lembut untuk menerima kebaikan. Menurut beliau lagi, sekiranya ziarah itu atas dasar dakwah kepada Islam dan mengukuhkan keimanan, mengajak kepada taubat dan keampunan maka kedatangan itu akan lebih bermakna dan mendapat pahala yang berlipat ganda.

Dalam hal ini, Muḥammad Suwayd memetik sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Bukhari,

عَنْ أَنَسِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ: «كَانَ عُلَامٌ يَهُودِيٌّ يَحْدُمُ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، فَمَرِضَ، فَأَتَاهُ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَعْوُدُهُ، فَقَعَدَ عِنْدَ رَأْسِهِ، فَقَالَ لَهُ: أَسْلِمْ. فَنَظَرَ إِلَيْ أَبِيهِ وَهُوَ عِنْدَهُ فَقَالَ لَهُ: أَطِعْ

---

<sup>17</sup> Hadith riwayat al-Bukhārī, Abū ‘Abd Allāh Muḥammad bin Ismā’il bin Ibrāhīm bin al-Mughīrah al-Bukhārī dalam *Al-Jāmi’ al-Ṣahīh*, [Kitāb al-Isti’zān, Bāb al-Taslīm ‘ala al-Ṣibyān, no. hadis: 6247], (Mesir: al-Sultāniyah, 2012).

أَبَا الْقَاسِمِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، فَأَسْأَمَ، فَخَرَجَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَهُوَ يَقُولُ: الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَنْقَدَهُ مِنَ النَّارِ

Terjemahan: Daripada Anas RA berkata, “Seorang anak muda (berbangsa) Yahudi yang pernah berkhidmat kepada Nabi SAW jatuh sakit maka Nabi datang menziarahinya dan duduk di sisi kepalanya. Maka baginda berkata kepadanya, “Masuklah Islam” maka dia memandang ke arah bapanya yang berada di sisinya, maka bapanya berkata, “Taatilah bapa al-Qasim”, maka dia memeluk Islam. Maka Nabi SAW keluar dan berkata, “Segala puji bagi Allah yang telah menyelamatkannya dari api neraka”.<sup>18</sup>

Demikian kebijaksanaan baginda SAW menggunakan kesempatan untuk dimanfaatkan kepada diri kanak-kanak. Dalam setiap pertemuan diajarkan ilmu yang bermanfaat dan dalam setiap perjumpaan dibiasakan dengan kebaikan. Sehubungan dengan itu, amalan menziarahi anak yang sakit bukan sesuatu yang ganjil dalam ajaran Islam. Menurut Muḥammad Suwayd, sungguhpun terlihat kecil, impak yang besar berbekas di hati anak tersebut. Malah ketika anak sakit, nasihat dan ucapan berupa motivasi sangat mudah diterima seterusnya memberi kebaikan dalam diri dan jiwa mereka.<sup>19</sup>

Pendekatan memberi penerangan serta nasihat yang baik ketika anak sedang sakit amat berkesan dalam menenangkan hati anak. Hati menjadi lembut pada saat fizikalnya sedang sakit merupakan peluang untuk menyuntik kata-kata nasihat sebagai pedoman kepada anak. Maka ketika anak yang sakit dikuarantin, peluang untuk menyampaikan nasihat kepadanya perlu dimanfaatkan sebaiknya.

Asas kelima: Memilih kawan yang baik untuk anak

Antara sunnah bersosial yang kukuh sesama manusia ialah melalui persahabatan. Menjadi tabiat dalam jiwa manusia ialah berinteraksi sesama manusia, berkenalan dan membentuk hubungan serta menjalani kehidupan dengan penuh rasa persaudaraan dan kasih sayang.

Muḥammad Suwayd berpendapat sekiranya para ibu bapa memilih sahabat yang baik untuk anak-anak mereka sebenarnya mereka sedang membuka pintu kebaikan untuk pendidikan dan pertumbuhan anak tersebut. Sekiranya kita tahu bahawa anak akan mencari kawan dalam kalangan mereka kerana kita tidak boleh manafikan fitrah. Apabila ibu bapa turut membantu anak-anak memilih kawan mereka sebenarnya ibu bapa sedang membantunya untuk mentaati Allah dan Rasul-Nya serta memperbaiki akhlaknya.

Catatan sirah menemukan bagaimana Rasulullah SAW bermain dengan anak-anak dan mendekati mereka walaupun baginda merupakan seorang ketua pemimpin malah ketika melintasi mereka yang sedang bermain, baginda mengucapkan salam kepada mereka. Situasi ini menggambarkan betapa baginda SAW melihat mereka dari sudut interaksi sosial dan tidak menjauhi mereka bahkan mengajak mereka untuk bermasyarakat. Hal ini menunjukkan bahawa Rasulullah SAW mengambil berat terhadap

<sup>18</sup> Hadith riwayat al-Bukhārī, Abū ‘Abd Allāh Muḥammad bin Ismā’īl bin Ibrāhīm bin al-Mughīrah al-Bukhārī dalam *Al-Jāmi’ al-Ṣahīh*, [Kitāb al-Janāiz, Bāb Idhā Aslama al-Ṣabiyy fa māt Hal Yuṣollī ‘alayh, no. hadis: 1356], (Mesir: al-Sultāniyah, 2012).

<sup>19</sup> Muḥammad Nūr ‘Abd. al-Ḥāfiẓ Suwayd. *Al-Tarbiyah Al-Nabawiyah Li al-Ṭiflī*, (Beirut: Dār Ibnu Kathīr, 2006), 91.

kanak-kanak dan mengawasi mereka agar sentiasa bermasyarakat serta terhindar daripada sikap suka bersendirian.

Rentetan daripada panduan yang dikemukakan oleh Muḥammad Suwaid, jika ibu bapa memerhati dan mengawasi pergaulan anak-anaknya sejak awal, gejala sosial dapat dibendung dan masalah yang melibatkan pengaruh negatif berpunca daripada rakan-rakan dapat diatasi. Kawalan terhadap adab pergaulan dan lingkungan rakan sebaya membuka peluang ibu bapa mengenali dengan lebih dekat individu yang berhubung dengan anaknya. Dengan mengimplementasikan teknik pemerhatian dan perhatian yang sesuai, anak diberi peluang untuk meluaskan jalinan sosial namun masih di bawah pantauan ibu bapa.

#### **Asas keenam: Membiasakan anak-anak berjual beli**

Muhammad Suwayd turut menjelaskan bahawa antara perkara yang diambil berat oleh Rasulullah SAW dalam mendidik kemahiran bersosial anak adalah dengan menjalankan aktiviti ekonomi. Menurut beliau galakan ini penting agar anak ini mampu menyesuaikan diri dengan suasana yang baru dalam komuniti masyarakat dalam kehidupannya sementelah aktiviti jual beli merupakan aktiviti yang mengukuhkan hubungan sosial masyarakat.

Dengan menjalankan interaksi jual beli, mereka akan terbiasa dengan perkembangan sebuah kehidupan dan memanfaatkan masanya dengan perkara yang berfaedah maka secara tidak langsung dapat membina keyakinan dalam diri mereka. Mereka juga akan belajar tentang kehidupan sedikit demi sedikit, tidak bermain-main, terbiasa dengan mengambil dan memberi dan memahami kehidupan dengan kefahaman yang betul, jauh daripada sikap berlebihan yang boleh merosakkan.

Hal ini disandarkan kepada tindakan Rasulullah SAW yang turut mendoakan agar diberkati perniagaan seorang anak kecil sebagaimana hadis Abu Ya'la,

عَنْ عَمْرِو بْنِ حُرَيْثٍ، أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مَرَّ بِعِنْدِ الَّهِ بْنِ جُعْفَرٍ وَهُوَ يَبْيَغُ مَعَ الْغِلْمَانِ  
- أَوِ الصِّبَّيْنَ - فَقَالَ: اللَّهُمَّ بَارِكْ لَهُ فِي بَيْعِهِ - أَوْ قَالَ - : فِي سَقْفَتِهِ

Terjemahan: Daripada ‘Amru bin Huraith bahawa Rasulullah SAW melewati Abdullah Bin Ja’far dan beliau sedang berjual bersama dua orang pemuda atau kanak-kanak. Berkata baginda SAW, “Ya Allah, berkatilah beliau dalam jualannya”<sup>20</sup>

<sup>20</sup> Abū Ya'lā Ahmad bin al-Mathuna bin Yahya al-Tamimī dalam *Musnad Abī Ya'lā*, [Musnad ‘Amru bin Huraith, no. hadis: 1467], (Damsyik: Dār Ma'mūn li al-Turāth:1984)

Anak kecil yang mulia ini ialah anak saudara baginda SAW, baginda tidak segan dengan perbuatan tersebut malah mendoakannya. Menyedari hakikat ini, ibu bapa berperanan untuk membentuk identiti anak yang mempunyai keyakinan diri serta mempunyai sifat bertoleransi dalam bersosial. Antaranya dengan memberi peluang mereka bermiaga atau berjual beli.<sup>21</sup> Ini kerana menerusi urusan jual beli, anak perlu peka dengan pengiraan dan perhitungan serta belajar untuk pantas dalam berfikir dan memberi respons.

### **Asas ketujuh: Membawa anak-anak menghadiri majlis yang disyariatkan dan majlis perkahwinan**

Di majlis perkahwinan berkumpulnya orang ramai termasuklah kanak-kanak. Mereka akan saling berkenalan dan bertemu sambil mendengar cerita dalam kegembiraan yang indah. Hati mereka akan terhibur dan perasaan akan tersentuh serta menguatkan ikatan mereka.

Muhammad Suwayd menyatakan bahawa Rasulullah SAW menyaksikan kanak-kanak dalam majlis perkahwinan dan meraikan kedatangan mereka serta mengalu-alukan kehadiran mereka. Baginda SAW tidak menghalang malah mendoakan mereka untuk sekalian tetamu yang hadir termasuklah kanak-kanak tersebut.

Sebagai sandaran, beliau memetik sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhārī, berkata Abdul Aziz Bin Suhaib,

عَنْ أَنَسِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ: رَأَى النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ النِّسَاءَ وَالصِّبَّارَ مُقْبِلِينَ قَالَ: حَسِبْتُ أَنَّهُ  
قَالَ مِنْ عُرْسٍ، فَقَامَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مُثِلًا فَقَالَ: اللَّهُمَّ أَنْتُمْ مِنْ أَحَبِّ النَّاسِ إِلَيَّ فَالْهَا ثَلَاثَ  
مِرَارٍ

Terjemahan: Daripada Anas bahawa Nabi SAW melihat kanak-kanak dan wanita saling bertemu, aku menyangka dalam majlis pernikahan, Maka baginda SAW bangun dan berdiri sambil berkata, “Ya Allah, kalianlah antara manusia yang aku cintai, baginda menyebutnya sebanyak tiga kali.<sup>22</sup>

<sup>21</sup> Muhammad Nūr ‘Abd. al-Ḥāfiẓ Suwayd. *Al-Tarbiyah Al-Nabawiyah Li al-Tiflī*, (Beirut: Dār Ibnu Kathīr, 2006), 135.

<sup>22</sup> Hadith riwayat al-Bukhārī, Abū ‘Abd Allāh Muḥammad bin Ismā’īl bin Ibrāhīm bin al-Mughīrah al-Bukhārī dalam *Al-Jāmi’al-Ṣahīh*, [Kitāb Manāqib al-Anṣār, Bāb Qawl al-Nabiyy SAW li al-Anṣār Antum Ahabbu al-Nās Ilayy, no. hadis: 3785], (Mesir: al-Sultāniyah, 2012).

Demikianlah perhatian baginda SAW dalam pembentukan kanak-kanak yang bersosial dalam masyarakat yang terdiri daripada kanak-kanak dan orang dewasa dalam majlis umum dan khas termasuklah majlis-majlis perkahwinan. Sungguhpun mereka diberi peluang menghadiri majlis, perhatian dan pengawasan ibu bapa terhadap adab dan tingkah laku anak adalah penting. Nasihat dan teguran secara berhikmah tetap perlu diberi dengan intonasi dan konotasi yang sesuai agar anak sentiasa beringat tentang batasan dalam pergaulan sama ada sesama ahli keluarga mahupun bersama rakan-rakan sebayanya.

Asas kelapan: Membenarkan kanak-kanak bermalam di rumah kawan yang baik

Memberi peluang anak-anak keluar dari rumahnya untuk ke rumah salah seorang teman yang soleh dan bermalam bersamanya merupakan satu latihan yang berharga. Muḥammad Suwayd menjelaskan bahawa hal ini memberi kesempatan untuk anak melihat keluarga lain dan berlatih untuk berurusan dengan ahli keluarganya serta mengambil manfaat berbentuk ilmu, kefahaman, ibadah dan kesolehan termasuklah mengeratkan hubungan kasih sayang. Perkara ini akan meninggalkan impak yang baik apabila dewasa kelak mereka teringat memori ziarah mereka semasa kecil dan bercerita mengenainya seterusnya membawa kepada ikatan sosial yang baik. Sekiranya para ibu bapa mengingatkan mereka untuk mengambil manfaat daripada ziarahnya bersama kawan mereka maka itu adalah yang terbaik. Muḥammad Suwayd menitipkan sebuah kisah yang masyhur dalam sebuah hadis yang direkodkan oleh al-Bukhari,

عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ قَالَ: بِتُّ فِي بَيْتِ حَائِثِي مَيْمُونَةَ بِنْتِ الْحَارِثِ، رَوْجَ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، وَكَانَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عِنْدَهَا فِي لَيْلَتِهَا، فَصَلَّى النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ الْعِشَاءَ، ثُمَّ جَاءَ إِلَيْهِ مَنْزِلُهُ، فَصَلَّى أَرْبَعَ رَكْعَاتٍ، ثُمَّ نَامَ، ثُمَّ قَامَ، ثُمَّ قَالَ: نَامَ الْعَلِيُّمُ؟ أَوْ كَلِمَةً تُشَبِّهُهَا، أَوْ قَامَ فَقُمْتُ عَنْ يَسَارِهِ، فَجَعَلَنِي عَنْ يَمِينِهِ، فَصَلَّى خَمْسَ رَكْعَاتٍ، ثُمَّ صَلَّى رَكْعَتَيْنِ، ثُمَّ نَامَ حَتَّى سِمِعْتُ عَطِيطَةً، أَوْ حَطِيطَةً، ثُمَّ خَرَجَ إِلَى الصَّلَاةِ

Terjemahan: Dari pada Ibnu ‘Abbās RA berkata, “Aku bermalam di rumah ibu saudaraku Maimunah Binti al-Ḥārith isteri Nabi SAW dan baginda bersamanya pada malamnya (giliran) maka Nabi solat Isyak dan pulang ke rumahnya dan solat empat rakaat, kemudian tidur kemudian bangun dan berkata “Anak ini sudah tidur” atau perkataan seumpamanya. kemudian bangun. Aku juga bangun dan solat di sebelah kiri baginda dan baginda menarikku ke sebelah kanan dan solat lima rakaat kemudian dua rakaat kemudiannya baginda tidur sehingga aku mendengar bunyi dengkuran baginda kemudian baginda keluar untuk solat (Subuh).<sup>23</sup> Hadis ini menunjukkan keharusan memberi keizinan kepada anak untuk bermalam di rumah rakannya yang baik. Menerusi kisah ini, Muḥammad Suwayd menyebutkan bahawa keterikatan dan kemesraan baginda SAW terhadap kanak-kanak telah berjaya mendapat tempat di hati mereka seterusnya

<sup>23</sup> Hadith riwayat al-Bukhārī, Abū ‘Abd Allāh Muḥammad bin Ismā’īl bin Ibrāhīm bin al-Mughīrah al-Bukhārī dalam Al-Jāmi’al-Ṣahīh, [Kitāb al-‘Ilm, Bāb al-Samar fi al-‘ilmi, no hadis: 117], (Mesir: al-Sultāniyah, 2012).

membawa mereka mengikuti jejak langkah baginda SAW.

Ternyata kehalusan budi pekerti baginda dalam menyantuni anak-anak jelas terserlah dalam kemahiran bersosial baginda sehingga anak boleh mengikut baginda pulang dan bermalam di rumahnya. Mereka memerhati setiap gerak-geri baginda dan mengikuti jejak langkah baginda yang mulia. Perkara ini patut dicontohi oleh para ibu bapa dalam menzahirkan kasih sayang mereka dalam mendidik anak agar anak ikut serta dalam amalan kebaikan yang dikerjakan.

## 5.0 KESIMPULAN

Tuntasnya, menjadi keutamaan bagi para ibu bapa moden kini untuk merencana dan mencorakkan perkembangan sosial anak-anak. Meskipun anak mempunyai akaun media sosial dan berinteraksi secara aktif di pelbagai rangkaian media sosial, pembentukan dimensi sosial mereka dalam dunia nyata dan realiti tidak seharusnya dipinggirkan dan dipandang ringan. Perkara ini penting bagi menjamin kesejahteraan nilai seorang manusia yang secara fitrahnya dilengkapi unsur roh, akal, hati dan jasad. Dengan melunasi keperluan setiap unsur ini melalui aktiviti bersosial, pertumbuhan mereka menjadi lebih aktif dan positif.

Dengan itu, solusi terbaik dalam merencami dimensi sosial anak adalah berpandukan kepada perspektif *al-Sunnah*. Oleh yang demikian, asas-asas pembentukan dimensi sosial yang digariskan oleh Muḥammad Suwayd wajar dijadikan panduan untuk diadaptasikan oleh para ibu bapa agar anak dapat menjalani kehidupannya sebagai anggota masyarakat dengan matang dan seimbang. Kemahiran bersosial ini sewajarnya dipupuk sejak awal kehidupannya bagi menjamin kelangsungan interaksi sosial yang harmoni dengan rakan sebaya, keluarga dan komuniti masyarakat sekeliling.

## 6.0 RUJUKAN

Al-Quran al-Karim

Abū al-Ḥusayn Muslim bin al-Ḥujjāj al-Qushayrī al-Naysābūrī, *Sahīh Muslim* (Kaherah: Maṭba’ah al-Halabī, 2001).

Abū Ya’lā Aḥmad bin al-Mathuna bin Yaḥya al-Tamīmī, *Musnad Abī Ya’lā*, (Damsyik: Dār Ma’mūn li al-Turāth:1984).

Al-Būkhārī, Abū ‘Abd Allāh Muhammād bin Ismā’īl bin Ibrāhīm bin al-Mughīrah “*Al-Jāmi’ al-Sahīh*”. (Mesir: al-Sultāniyah, 2012).

Awang, Azarudin, and Khadijah Mohd Khambali @ Khambali. “Pengaruh Media Dalam Dialog Kehidupan: Perspektif Pengalaman Saudara Baru (Media Influence in The Dialogue of Life: From The Perspectives of a Revert Muslim).” *Jurnal Komunikasi, Malaysian Journal of Communication* 31, no. 2 (2015): 47–60. doi:10.17576/jkmjc-2015-3102-04.

Destina, Ika, Ali Salman, and Mohd. Helmi Abd. Rahim. “Penerimaan Media Sosial : Kajian Dalam Kalangan Pelajar Universiti Di Palembang.” *Jurnal Komunikasi* 29, no. 2 (2013): 125–40.

Hashim, Nurhamizah, and Asbah Razali. “Tecnhology and Social Media in Communication between Parents and Children.” *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication* 35, no. 4 (2019): 337–52. doi:10.17576/JKMJC-2019-3504-21.

Hidayah, Redho Rahmad. “Metode Orang Tua Dalam Pendidikan Karakter Anak Pada Kitab Manhaj At Tarbiyah An Nabawiyah Lith Thifl Karya Muhammad Nur Abdul Hafizh Suwaid.” *Fakultas Tarbiyah Dan Tadris Institut Agama Islam Negeri Bengkulu*. Institut Agama Islam Negeri Bengkulu, 2021.

Jamri, Mohamad Hafifi, Nurzali Ismail, Jamilah Hj Ahmad, and Darshan Singh. “Public Health

Awareness Campaign: A Literature Review from the Angle of Media and Communication Usage in Malaysia.” *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication* 33, no. 3 (2017): 1–20. doi:10.17576/jkmjc-2017-3303-01.

M Fariddudin, Siti Noor Farahin, Khadijah Mohd Khambali@Hambali, and Syed Mohammad Hilmi Bin Syed Abdul Rahman. “Dimensi Keibubapaan Dalam Pendidikan Anak Di Era Pandemik Dan Solusi Menurut Kitab Manhaj Al-Tarbiah Al- Dimensions of Parenting in Children ’ s Education in the Pandemic Era and Solutions According to the Book of Manhaj Pendahuluan Ibu Bapa Mempunyai Per.” *Jurnal Usuluddin* 50, no. 1 (2022): 93–114.

Wood, Megan A., William M. Bukowski, and Eric Lis. “The Digital Self: How Social Media Serves as a Setting That Shapes Youth’s Emotional Experiences.” *Adolescent Research Review* 1, no. 2 (2016): 163–73. doi:10.1007/s40894-015-0014-8.

Zakiyuddin, Muhammad Zaheer Firdaus bin. “Social Media and Effects on Interpersonal Skills : An Empirical Investigation on Teenagers from Malaysia.” *Journal of Business and Management* 23, no. 4 (2021): 14–23. doi:10.9790/487X-2304081423.